

## **MOT masih belum terima laporan hasil siasatan**

---

KUALA LUMPUR - Kementerian Pengangkutan (MOT) masih menunggu basil siasatan dan kenyataan rasmi daripada Malaysia Airlines (MAS) berhubung dengan kes saman di bawah Konvensyen Montreal sebanyak A\$200,000 (RM616,000).

Kes saman tersebut telah difailkan oleh seorang wanita warga Australia .yang mendakwa dia telah diserang, secara seksual oleh ketua pramugara, Mohd. Rosli Ab. Karim semasa dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Paris pada Ogos 2014.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi berkata, buat masa ini pihaknya masih tidak dapat memberikan sebarang kenyataan rasmi memandangkan isu tersebut berkait dengan perintah undang-undang yang masih berjalan ke atas MAS.

"Kita masih menunggu basil siasatan danjuga kenyataan rasmi daripada pihak MAS dan segala perkembangan tentang kes tersebut akan dikeluarkan dari semasa ke semasa," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Semalam, sebuah portal berita rnelapgrkan kejadian yang dihadapi Laura Bushney, 28, bermula selepas dia memaklumkan kepada krew kabin mengenai ketakutannya terbang dan Mohd. Rosli berjanji untuk melihat keadaannya semasa dalam penerbangan itu.

---

**SUMBER : KOSMO| M/S: 5 | 25 OGOS 2016**